



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH

Berita Harian



Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bersama Presiden Republik Indonesia, Joko Widodo melancarkan penubuhan CPOPC sambil diperhati Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Dr. Rizal Ramli.

CPOPC satukan negara pengeluar minyak sawit

» **Malaysia, Indonesia jadi negara pengasas, galak kerjasama negara anggota**

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

■ **Kuala Lumpur**

Malaysia dan Indonesia selaku negara pengeluar utama minyak sawit dunia menjadi negara pengasas bagi

penubuhan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) yang dilancarkan penubuhannya baru-baru ini.

Majlis pelancaran CPOPC disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bersama Presiden Republik Indonesia, Joko Widodo dalam satu majlis menandatangani Piagam Penubuhan CPOPC yang diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27, di sini baru-baru ini.

Piagam penubuhan CPOPC ditandatangani bersama oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Menteri Penyelaras Hal Ehwal Maritim Indonesia, Dr Rizal Ramli

disaksikan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Joko Widodo.

Rancang buka keanggotaan

Serentak dengan penubuhan CPOPC yang diasaskan Malaysia dan Indonesia, majlis itu kini merancang untuk membuka keanggotaannya kepada Brazil, Colombia, Thailand, Ghana, Liberia, Nigeria, Papua New Guinea, Filipina dan Uganda yang juga pengeluar sawit dunia.

CPOPC bertujuan menggalak, membangun dan mengukuhkan kerjasama dalam industri sawit di kalangan negara anggota.

Ini akan memastikan bahawa industri minyak sawit menyumbang kepada pembangunan eko-

nomi dan kesejahteraan rakyat.

Menerusi perjanjian itu juga, sembilan prinsip perladangan mampan yang diketengahkan CPOPC bakal menjadi penanda aras kepada industri sawit dunia dengan keutamaan diberikan kepada aspek pembangunan sosio-ekonomi pekebun kecil, sistem perladangan mampan dan juga kawalan terhadap stok minyak.

Sementara itu, pada sidang media selepas pelancaran CPOPC bersama Dr Rizal Ramli, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, selaku dua negara pengeluar terbesar minyak sawit dunia, langkah diambil Malaysia dan Indonesia merupakan sejarah penting kepada masa depan komoditi itu.

"Selaku pengeluar terbesar minyak sawit dunia yang menguasai sehingga 85 peratus pasaran sawit antarabangsa tentu sekali CPOPC dapat membantu Malaysia dan Indonesia memperkukuhkan harga minyak sawit di pasaran dunia untuk manfaat bersama," katanya.

Rizal pula menjelaskan, hasil persetujuan yang dicapai hingga terbentuknya CPOPC akan membolehkan kedua-dua negara menyediakan inisiatif untuk sektor swasta bagi menerajui Zon Ekonomi Hijau di negara berkenaan dalam usaha menggalakkan nilai tambah terhadap industri minyak sawit, selain mengatasi masalah jerebu.

"Kita mengambil iktibar daripada jerebu yang berpunca daripada amalan perladangan tidak mesra alam kerana masalah itu menjejaskan semua pihak baik Indonesia, Malaysia dan juga negara jiran lain. Kami percaya menerusi CPOPC masalah itu dapat diselesaikan secara berperingkat," katanya.

Fungsi CPOPC

Antara fungsi CPOPC termasuk menggalakkan perundingan kepada pembangunan industri sawit di kalangan pihak berkepentingan; meningkatkan kebajikan pekebun kecil sawit; membangun dan mewujudkan rangka kerja global bagi minyak sawit mampan; menggalakkan kerjasama dan pelaburan dalam membangunkan zon industri sawit mampan dan mesra alam; mengatasi cabaran dan halangan perdagangan minyak sawit; dan menjalankan aktiviti dan fungsi seperti yang dianggap perlu demi kepentingan industri minyak sawit.

Bagi menyokong operasi awal CPOPC, Indonesia dan Malaysia masing-masing menyumbang jumlah awal sebanyak AS\$5 juta. Sekretariat CPOPC akan ditempatkan di Jakarta, Indonesia.

Kedua-dua menteri mengisytiharkan Rangka Kerja Global Cadangan Prinsip Minyak Sawit Mampan yang mempunyai sembilan prinsip dengan mengambil kira undang-undang dan peraturan berkaitan pembangunan lestari serta disesuaikan dengan piawaian antarabangsa yang lain.

CPOPC dijangka akan mengukuhkan lagi imej industri sawit secara global.

Program transformasi pekebun kecil tingkat kefahaman industri

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Betong: Program Transformasi Pekebun Kecil Kawasan Debak berjaya meningkatkan kefahaman penduduk sekitar mengenai industri sawit, koko, lada dan getah serta pentingnya amalan perladangan baik da-

lam meningkatkan produktiviti.

Program sehari yang dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dihadiri lebih 200 pekebun kecil daripada kawasan sekitar.

Selain MPOB, agensi lain di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) seperti Lembaga Koko

Malaysia (LKM); Lembaga Lada Malaysia (LLM); dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut menyertai program ini dengan mengadakan pameran sebagai platform menghebahkan maklumat mengenai perkhidmatan agensi masing-masing dalam membangunkan industri perusahaan utama ini.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas dalam ucapan perasmian

berkata program taklimat dan penerangan oleh agensi di bawah kementerian bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pekebun kecil mengenai kepentingan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pendapatan.

Antara perisian Program

Transformasi Pekebun Kecil Komoditi adalah sesi taklimat mengenai amalan pertanian baik oleh wakil daripada agensi getah, lada, koko dan sawit. Para peserta juga berpeluang melawat gerai pameran berkaitan industri sawit, lada, koko dan getah yang didirikan di persekitaran kawasan majlis berkenaan.

Penubuhan CPOPC: Mengorak langkah kerjasama erat Malaysia-Indonesia

Malaysia dan Indonesia yang merupakan pengeluar terbesar minyak sawit dunia menyumbang hampir 85% daripada pengeluaran dunia. Namun begitu, kedua-dua negara ini bersaing bagi merebut syer pasaran di negara-negara pengimport yang sama, khususnya di India dan China. Justeru, pemain industri sawit negara yang mengalami kerugian daripada persaingan ini dengan keuntungan potongan harga lebih menjurus kepada kepentingan pembeli di negara pengimport. Pada masa sama, industri sawit bukan sahaja menghadapi masalah peningkatan stok dan penurunan harga sawit yang ketara sejak kebelakangan ini, tetapi juga menghadapi tohmahan yang tidak berasas daripada badan-badan bukan kerajaan (NGOs) yang menuduh industri ini melakukan penebangan hutan untuk menanam sawit.

Lanjutan daripada ini, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, dengan sokongan padu Perdana Menteri Malaysia telah mengilhamkan permuafakatan dan kerjasama erat antara Malaysia dan Indonesia untuk menangani masalah tersebut demi menstabil dan memperkukuhkan harga minyak sawit bagi memastikan industri ini terus berkembang maju. Dalam hal ini, Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit atau Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC) yang dipelopori oleh Malaysia dan Indonesia telah ditubuhkan dimana piagam (charter) kerjasama telah dimeterai secara rasmi pada 21 November 2015 di Kuala Lumpur. Keahlian CPOPC ini juga akan terbuka kepada lain-lain negara pengeluar minyak sawit dunia atas dasar 'inclusiveness'. Sekretariat CPOPC akan berlokasi di Jakarta, Indonesia.

Penubuhan CPOPC ini bertujuan menggalak, membangun dan memperkukuhkan kerjasama dalam industri sawit di kalangan negara ahli. Ia dijangka mampu memastikan industri sawit kekal menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat, khususnya para pekebun kecil sawit. Di samping itu, CPOPC juga akan membangun dan mewujudkan prinsip rangka kerja global bagi minyak sawit mampan, mempromosi kerjasama dan pelaburan dalam membangunkan zon industri sawit mampan dan mesra alam, serta menangani halangan perdagangan terhadap minyak sawit di pasaran dunia.

Bagi melaksanakan tugas-tugas tersebut, Malaysia dan Indonesia bersepakat untuk membentuk dua Jawatankuasa Teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal Zon Perindustrian Minyak Sawit atau Zon Ekonomi Hijau (TWG POIZ / GEZ) dan Jawatankuasa Teknikal Pengharmonisasian Piawaian (TWG HS). TWG POIZ berperanan untuk mempromosi kerjasama dan pelaburan dalam membangunkan zon industri sawit mampan serta menangani halangan perdagangan terhadap minyak sawit di pasaran dunia. Sementara itu, TWG HS berperanan untuk mewujudkan prinsip rangka kerja global bagi minyak sawit mampan (e+POP) yang berasaskan sembilan (9) Prinsip Global Minyak Sawit Mampan (GPSPO). Prinsip-prinsip ini akan mengambil kira kebajikan pekebun kecil, aspek ekologi dan alam sekitar, serta menanda aras (benchmarking) dengan piawaian lain.

Dengan kerjasama ini, adalah dijangkakan industri sawit negara akan terus berdaya saing dan menyumbang kepada pendapatan negara.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika menandatangani MOU bersama Wang Yi disaksikan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Li Keqiang.

Malaysia, China tandatangan MOU

» *Kerjasama mengenai kualiti, keselamatan eksport minyak sawit ke China*

Oleh **Yoong Jun Hao**
jhyoong@mpob.gov.my

Putrajaya

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Menteri Luar China, Wang Yi sempena lawatan rasmi Perdana Menteri China, Li Keqiang ke Malaysia, baru-baru ini.

Majlis menandatangani MOU

berkenaan yang disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri China, Li Keqiang diadakan di Jabatan Perdana Menteri selepas mesyuarat dua hala antara Malaysia dan China.

MOU itu menyediakan ruang kerjasama antara Kerajaan Malaysia dan China yang masing-masing diwakili oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Malaysia (MPIC) dan Pentadbiran Am Penyelidikan Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin Republik Rakyat China (AQSIQ) mengenai kualiti dan keselamatan eksport minyak sawit Malaysia ke negara China.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai agensi di bawah MPIC diamanahkan untuk melaksanakan bidang-bidang kerjasama yang dinyatakan di dalam MOU tersebut.

MOU berkenaan membentuk

rangka kerja (framework), mekanisme dan langkah penyelesaian secara bersama di antara Kerajaan Malaysia dan China sekiranya terdapat sebarang isu berkaitan kualiti atau keselamatan yang berpotensi memberi kesan ke atas eksport minyak sawit Malaysia ke China pada masa hadapan.

Maklumat terkini

Selain itu, MOU tersebut turut menyediakan satu saluran untuk pertukaran dan penyebaran maklumat terkini mengenai sawit di antara Kerajaan Malaysia dan China, termasuk peraturan-peraturan dan kehendak terkini yang ditetapkan oleh pihak China terhadap minyak sawit.

MOU ini akan memberi keyakinan kepada pengimport China terhadap minyak sawit Malaysia serta mengurangkan risiko penghantaran minyak sawit ditolak oleh negara itu disebabkan isu kualiti dan keselamatan.

Transformasi Pekebun Kecil

Dari muka 1

Program ini dianjurkan di RH Edmund Gunting, Sengalang, Debak, kira-kira 40km dari Betong, Sarawak.

Pengunjung program mengambil kesempatan untuk berinteraksi dengan pegawai-pegawai bertugas daripada agensi-agensinya di bawah MPIC.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas turut menggesa pekebun kecil supaya menyokong usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mencapai peningkatan produktiviti.

Pelbagai bantuan dan khidmat

nasihat disediakan oleh kerajaan bagi menjamin pertumbuhan industri yang diusahakan oleh pekebun kecil.

Tanam semula pokok sawit

Untuk sektor sawit, kerajaan memberi tumpuan khusus dan bantuan kewangan bagi menggalakkan pekebun kecil menanam semula pokok sawit dan untuk pekebun kecil yang mengusahakan tanaman baharu, dibekalkan dengan anak benih sawit berkualiti dan khidmat nasihat bagi mengikuti amalan pertanian baik.

Bagi membantu dan mengga-

lakkan rakyat luar bandar mengusahakan tanaman sawit sebagai sumber pendapatan, MPIC melalui MPOB melaksanakan Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).

Di bawah skim ini, pekebun kecil yang layak akan menerima skop bantuan tidak lebih daripada RM9,000 sehektar yang disediakan dalam bentuk penyediaan kawasan tanaman; bekalan anak benih; baja tahun pertama; bahan kimia untuk kawalan perosak (jika perlu); dan baja tahun kedua tertakluk kepada peruntukan.

Tumpu sektor pekebun kecil

» MPIC komited pastikan produktiviti, pendapatan dipertingkatkan

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bintulu

Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) memberi perhatian penting kepada pembangunan sektor pekebun kecil khususnya dalam meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Program Transformasi Pekebun Kecil yang diadakan di Sebauh, di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan termasuk Menteri Muda Kemudahan Awam (Bekalan Elektrik dan Telekomunikasi) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kemena, Datuk Dr Stephen Rundi Anak Utom; dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Katanya, usaha meningkatkan pembangunan pekebun kecil diberi perhatian penting seiring dengan agenda Transformasi Ekonomi Negara bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan kupon bantuan TBSPK kepada pekebun kecil sawit.

Sokong usaha kerajaan

Beliau turut mengesa pekebun kecil supaya menyokong usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mencapai peningkatan produktiviti.

Pelbagai bantuan dan khidmat nasihat disediakan oleh kerajaan bagi menjamin pertumbuhan industri yang diusahakan oleh pekebun kecil.

Untuk sektor sawit, kerajaan memberi tumpuan khusus dan bantuan kewangan bagi menggalakkan pekebun kecil menanam semula pokok sawit dan untuk pekebun kecil yang mengusahakan tanaman baharu, dibekalkan dengan anak benih sawit berkualiti dan khidmat nasihat bagi mengikuti amalan pertanian baik.

Selain MPOB, agensi lain di

bawah MPIC seperti Lembaga Koko Malaysia (LKM); Lembaga Lada Malaysia (LLM); Lembaga Getah Malaysia (LGM); dan Jabatan Pertanian Sarawak, Bahagian Bintulu turut menyertai program ini.

Tingkatkan pengetahuan

Program Transformasi Pekebun Kecil adalah antara usaha MPIC untuk merapatkan lagi agensi-agensi kerajaan berkaitan sektor komoditi dengan pekebun kecil dan meningkatkan pengetahuan mereka dalam menguruskan ladang masing-masing.

Ia juga adalah platform untuk memberitahu pekebun kecil mengenai perkhidmatan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan bagi meningkatkan industri komoditi negara.

Antara perisian program ini adalah sesi taklimat mengenai amalan pertanian baik oleh wakil agensi yang terbabit. Para peserta juga berkesempatan melawat pameran berkaitan industri sawit, lada, koko dan getah yang diadakan sempena program itu.

Program Transformasi Pekebun Kecil Kawasan Sebauh dihadiri hampir 2,000 peserta terdiri pekebun kecil dan penduduk tempatan sekitar kawasan tersebut.

Sehingga Oktober 2015, terdapat sejumlah 16,873.76 hektar kawasan tanaman sawit di Bintulu melibatkan 2,929 pekebun kecil.

Sebauh yang berada dalam daerah Bintulu mempunyai 592 pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit dengan keluasan 2,405.25 hektar.

Industri sawit negara dikagumi

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad menerima kunjungan hormat daripada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Nigeria ke Malaysia, Janet Bessong Odeka di Bangunan Parlimen, di sini baru-baru ini.

Kunjungan tersebut turut disertai oleh Setiausaha Pertama Pesuruhjaya Tinggi Nigeria, Olu-femi Olonijolu.

Pelbagai isu dibincang

Dalam pertemuan lebih sejam itu, pelbagai isu telah dibincangkan, antaranya, peluang perkongsian bersama dalam bidang perladangan sawit, FELDA sebagai model terbaik dalam membangunkan pekebun kecil sawit dan faktor-faktor yang dapat menarik pelaburan Malaysia ke Nigeria dalam sektor perladangan.

Nigeria merupakan pengeluar minyak sawit kelima terbesar dunia dengan pengeluaran sebanyak 910,000 tan pada tahun lalu.

Oleh kerana pengeluaran dalam minyak dan lemak tidak dapat menampung permintaan domestik yang mencecah 2.8 juta tan pada tahun 2014, negara tersebut terpaksa mengimport sebanyak 1.5 juta tan minyak sawit di mana 190,000 tan adalah diimport dari Malaysia.

Hello Komoditi Sabak Bernam penuh meriah

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Sabak Bernam: Program anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) – Hello Komoditi telah diadakan, di sini baru-baru ini dan mendapat sambutan memberangsangkan daripada pekebun kecil dan penduduk sekitar.

Hello Komoditi Sabak Bernam dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon, dan disertai oleh agensi-agensi di bawah MPIC seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Getah Malaysia (LGM),

usahawan berhubung sektor komoditi serta peluang perniagaan yang ditawarkan oleh sektor itu.

“Program ini juga diharapkan dapat menarik minat para belia untuk menceburi bidang kerjaya dan keusahawanan berteraskan komoditi bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi mereka,” katanya.

Program turut dihadiri Ahli Parlimen Sabak Bernam, Mohd Fasih Mohd Fakeh; ADUN Sungai Air Tawar, Kamarol Zaki dan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Zainal Azman Abu Seman.

Majlis tandatangani MoU

Dato' Noriah turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) dan Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (NASH) semasa Program Hello Komoditi Sabak Bernam.

Pada acara itu, IMPAC diwakili



Dato' Noriah Kasnon menyampaikan sijil penghargaan kepada Pengarah Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat MPOB, Dr. Burhanuddin Abd Salam atas penyertaan dalam pameran program Hello Komoditi Sabak Bernam.

oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Adzmi Hassan, sementara NASH oleh Presidennya, Dato' Aliasak Ambia.

Di bawah MoU ini, kedua-dua

agensi akan berusaha ke arah melahirkan sumber tenaga kerja mahir bersesuaian dengan keperluan tenaga kerja dalam sektor komoditi di Malaysia.

Forum kesihatan, pemakanan berjaya tingkat imej sawit

» Medan tukar idea, kongsi kepakaran bidang makanan

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

► Nanjing, China

Forum Kesihatan dan Pemakanan Minyak Sawit Ke-4 anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Persatuan Pemakanan Wilayah Jiangshu yang dihadiri lebih 170 pakar dalam bidang pemakanan, pengamal perubatan, pakar minyak dan lemak serta



Datuk Dr Choo Yuen May ketika membentangkan kertas kerja di Forum Kesihatan dan Pemakanan Minyak Sawit Ke-4 di Nanjing, China.

pegawai-pegawai kerajaan China dari Wilayah Jiangshu berjaya meningkatkan imej industri sawit.

Penganjuran forum itu bertujuan menyebarkan maklumat terkini mengenai minyak sawit serta meyakinkan para pengguna di ne-

gara China tentang kebaikan pemakanan yang terdapat dalam minyak sawit.

Bebas lemak trans

Forum ini turut memberi kesempatan kepada pakar terbabit un-

tuk bertukar pandangan dari segi teknikal mengenai isu pemakanan minyak sawit dan membincangkan kebaikan minyak sawit terhadap kesihatan.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ah-

mad dalam ucapan forum itu yang dibacakan oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May berkata, minyak sawit bebas daripada lemak trans dan kolesterol.

"Ia adalah ramuan makanan yang penting untuk China terutamanya dalam usaha Kerajaan China mengurangkan kandungan lemak trans dalam makanan di negara tersebut.

Beliau turut berharap penggunaan minyak sawit di negara China dapat ditingkatkan.

"Ini akan membolehkan rakyat China mendapatkan minyak makanan yang berkhasiat dengan harga yang kompetitif bagi memenuhi keperluan terhadap makanan," katanya.

Datuk Dr. Choo Yuen May turut membentangkan satu kertas kerja teknikal di forum itu.

Dalam pembentangannya beliau menyatakan, terdapat pelbagai penyelidikan bio-perubatan yang membuktikan minyak sawit selamat dimakan dan tidak akan menjejaskan kesihatan.

Beliau turut memetik penyelidikan terkini yang dijalankan di negara China yang menunjukkan minyak sawit setanding dengan minyak zaitun dalam kesannya terhadap kolesterol.

MPOB, MEOA bincang isu sektor perladangan



Datuk Dr Choo Yuen May mempengerusikan Forum MPOB-MEOA. Turut kelihatan Presiden MEOA, Joseph Tek Choon Yee

Oleh: Dr. Mohd Hefni Rusli
mohd.hefni@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA) mengadakan forum bagi membincangkan isu-isu terkini berkaitan sektor perladangan sawit Malaysia bertempat di Ibu Pejabat MPOB, di sini baru-baru ini.

Forum dihadiri oleh 56 peserta terdiri pemilik ladang dari seluruh Malaysia dan pegawai MPOB. Forum MPOB-MEOA 2015 ini adalah forum edisi ke-4 sejak mula di anjurkan pada tahun 2012.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohamad Khair-il Anuar Wan Ahmad dalam teks ucapan perasmian forum yang disampaikan oleh Ketua Pengarah MPOB,

Datuk Dr Choo Yuen May berkata, forum itu adalah satu inisiatif untuk membincangkan isu-isu penting yang sedang dihadapi oleh industri sawit terutamanya melibatkan usaha untuk menangani kejatuhan harga minyak sawit mentah dan buah tandan segar seperti melalui program Skim Insentif Tanam Semula (SITS 2015) dengan peruntukan sebanyak RM100 juta oleh kerajaan.

Tanam semula sawit

"Skim itu menyasarkan penanaman semula sawit yang tidak produktif di seluruh negara.

Katanya juga, program B7 biodiesel yang dilaksanakan sepenuhnya di seluruh Malaysia sejak Mei 2015 dijangka menggunakan kira-kira 575,000 tan biodiesel sawit setahun.



Datuk Dr Choo Yuen May bersalaman dengan Frederick Heijink selepas Mesyuarat Pakar di bawah SCOP selesai.

MPOB adakan mesyuarat pakar SCOP bersama Belanda

Oleh Norazura Aila Mohd
Hassim azuraaila@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan delegasi Belanda bagi Mesyuarat Pakar di bawah Sub-Committee on Palm Oil (SCOP), di sini baru-baru ini.

Delegasi Belanda diketuai Koordinator Polisi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Belanda, Frederick Heijink. Delegasi turut disertai oleh Pensyarah bagi Hutan Tropikal daripada Universiti Van Hall-Larenstein Belanda, Dr. Peter

van der Meer; Profesor Madya bagi Sistem Pengeluaran Kilang daripada Universiti Wageningen Belanda, Dr. Maja (M.A) Slingerland; Pengurus Program Pembangunan Mampan bagi MVO (Industri Minyak and Lemak Belanda), Dr. Eddy Esselink, dan Pegawai Kanan Pertanian Kedutaan Belanda di Malaysia, Hoh Li Huan.

Ketibaan delegasi Belanda disambut Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Ketika mengalu-alukan ketibaan delegasi, Datuk Dr Choo Yuen May berkata, Mesyuarat Peringkat Menteri mengenai kayu-ka-

yan dan komoditi di antara Malaysia dan Belanda pada 8 Disember 2014 di Hague, Belanda, di antara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan mantan Menteri Pertanian Belanda, Sharon Dijksma bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil yang dikenali sebagai Sub-Committee on Oil Palm (SCOP) di bawah Malaysia-Netherlands Joint Working Group on Timber and Commodities bagi menjalinkan kerjasama berkaitan sawit bagi kedua-dua buah negara.

KOML lahir lebih 1,800 peserta



Dr Ahmad Kushairi Din beramah mesra dengan pelatih cemerlang KOML. Turut kelihatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Muadzam Shah, Dato' Maznah Mazlan dan ADUN Bukit Ibam, Dato' Wan Kadri Wan Mahussin.

» **Komited bekal tenaga kerja terlatih penuhi kehendak industri**

Oleh Mohd Zulhelmy Ismail dan Noor Asmawati Abdul Samad
zulhelmy@mpob.gov.my,
watie@mpob.gov.my

► **Keratong**

Sejak ditubuhkan sehingga September 2015, lebih 1,800 peserta berjaya mengikuti Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) yang dianjurkan

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

KOML komited membekalkan tenaga kerja terlatih yang mahir khususnya dalam bidang mekanisasi bagi memenuhi kehendak industri terutama sektor perladangan sawit.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan

Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dalam teks ucapan Anuar di Majlis Penganugerahan Sijil KOML Sesi 2014/2015 berkata, peluang pekerjaan dan perniagaan dalam industri sawit terutama di sektor perladangan adalah amat luas.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.

Tawar pekerjaan kepada penduduk

“Selain berkhidmat dalam sektor perladangan, peluang juga terbuka bagi golongan belia menceburi bidang perniagaan sebagai kontraktor ladang, pengusaha atau pembekal anak benih, pengusaha rumah timbang dan pengusaha bengkel jentera ladang.

Katanya, semua bidang itu memberi pendapatan lumayan, di samping memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

“Usahawan dalam bidang penjenteraan ladang mempunyai potensi memajukan perniagaan, sekali gus memacu pertumbuhan industri sawit negara.

Katanya, pembabitan semakin ramai golongan belia dalam sektor perladangan dan komoditi akan dapat menangkis tanggapan

negatif yang menyatakan golongan belia tidak berminat menceburi sektor berkenaan.

Katanya, usaha MPOB memerlukan sokongan daripada syarikat perladangan untuk menawar tempat latihan dan seterusnya peluang pekerjaan kepada belia terbabit.

“Sokongan serta galakan daripada syarikat perladangan amat penting dan diperlukan bagi merealisasikan matlamat kerajaan menjadikan sektor berasaskan komoditi sebagai salah satu penjana ekonomi utama negara,” katanya.

Majlis penganugerahan Sijil IMPAC dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kali ini melibatkan 354 peserta yang berjaya menamatkan kursus KOML Tahap 2 dan 3 pada sesi Mac dan September 2014 serta sesi April 2015.

Kursus yang diadakan di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di MPOB Keratong ini menawarkan kursus jangka pendek dan jangka panjang yang meliputi silibus pembelajaran yang ditetapkan oleh National Occupational Skill Standard (NOSS), Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Kementerian Sumber Manusia bagi bidang mekanisasi ladang.

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar turut menyatakan peserta KOML didedahkan kepada teknologi terkini, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di sektor perladangan sawit.

Interaksi MPOB-MOMG bincang industri oleokimia

Oleh Razmah Ghazali
razmah@mpob.gov.my

Bangi: Sesi interaksi di antara MPOB bersama Ahli Exco Kumpulan Pengeluar Oleokimia Malaysia (MOMG) bagi membincang isu berkaitan industri oleokimia sawit dalam negara diadakan di sini, baru-baru ini.

Interaksi disertai 10 ahli Exco MOMG yang terdiri pengurusan tertinggi syarikat pengeluar oleokimia seluruh negara diketuai Pengerusinya, Tan Kean Hua; pegawai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan pegawai MPOB.

Sesi interaksi ini bertujuan meningkatkan hubungan dua hala di antara MPOB dan MOMG, di samping bertukar maklumat dan pandangan mengenai industri oleokimia demi menjamin kesejahteraan industri sawit negara.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika menyampaikan ucapan aluan berterima kasih kepada MOMG di atas perkongsian maklumat terkini berkaitan pelbagai isu industri oleokimia, dan berharap



Datuk Dr Choo Yuen May dan Tan Kean Hua mempengerusi sesi interaksi MPOB - MOMG.

melalui interaksi seperti ini, MPOB boleh mengambil tindakan susulan yang efektif, selaras dengan kehendak industri.

Beliau turut menekankan kepentingan melakukan sesuatu dengan segera (time is of the essence) baik di dalam projek kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) mahupun di dalam menangani pelbagai isu yang berkaitan dengan industri oleokimia.

Maklum balas isu teknikal

Beberapa isu teknikal mengenai aktiviti hiliran dan cabaran yang dihadapi oleh industri oleokimia terutamanya berkaitan projek

projek kolaborasi di antara MPOB dan MOMG dibincangkan. Di antaranya termasuk kajian kitaran hidup (life cycle assessment, LCA) asid lemak, serta analisis kandungan racun makhluk perosak dan kandungan 3-MCPD (3-monochloropropane-1,2-diol) dan ester glisidil di dalam produk oleokimia.

MOMG memaklumkan bahawa analisis kandungan racun makhluk perosak di dalam produk oleokimia adalah penting dan dikehendaki oleh pelanggan di Eropah terutamanya dalam bahan oleokimia yang digunakan untuk industri makanan.

MPOB menang anugerah pada KIK Kebangsaan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuantan: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui penyertaan kumpulan Full Throttle dengan projek bertajuk ‘CANTAS Kurang Efisien’ berjaya memenangi dua anugerah pada Majlis Persada Inovasi Parkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Kumpulan yang dianggotai oleh 11 anggota Bahagian Biologi MPOB berjaya membawa pulang Anugerah Ketua Pengarah MAMPU selaku juara Kategori Teknikal (Kementerian) dengan hadiah berupa wang tunai RM5 ribu, piala pusingan dan sijil penyertaan; dan Anugerah Pengarah INTAN bagi Persembahan Terbaik Keseluruhan yang membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 selain piala pusingan dan sijil penyertaan.

Tampil enam inovasi baru

Projek ‘CANTAS Kurang Efisien’ menampilkan enam inovasi baru yang berjaya menyelesaikan beberapa masalah

CANTAS versi lama iaitu isu ketahanan, berat dan getaran yang tinggi dan dikenal pasti antara punca kemerosotan penggunaan dan penjualan CANTAS.

Enam inovasi baru yang berjaya dihasilkan merangkumi tiga inovasi di bahagian kepala pemotong CANTAS, dua inovasi di bahagian galah dan pertukaran dari enjin jenama baru yang lebih ringan.

Dengan terhasilnya inovasi baharu ini, teknologi CANTAS telah dapat ditambah baik dengan ciri-ciri yang lebih lasak, ringan dan rendah getaran. Ini dibuktikan dengan maklum balas daripada pengguna CANTAS versi baharu yang dikenali CANTAS Evo.

Kumpulan Full Throttle diwakili oleh Salmah Jahis selaku ketua kumpulan, Abdul Razak Jelani, Mohd Rizal Ahmad, Mohd Solah Deraman, Mohd Ramdhan Khalid, Mohd Ikmal Hafizi Azaman, Zaprunizam Mohamad Ali, Zahara Mohamed, Aminulrashid Mohamed dan Mohamad Borhan Selamat. Abd Rahim Shuib dan Dr. Norman Kamarudin masing-masing bertindak sebagai fasilitator dan penasihat kumpulan Full Throttle.

PALM OIL ECONOMIC REVIEW & OUTLOOK SEMINAR 2016

Palm Oil: Maximising Opportunities During Challenging Times

19 JANUARY 2016 - HOTEL ROYALE CHULAN - KUALA LUMPUR

Inaugurated by: **YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS**
Minister of Plantation Industries and
Commodities

REGISTRATION FEE
RM990
Inclusive of GST

Register Now

SEMINAR REGISTRATION
Nurul Aishah Musa / Salmah Husin
Tel: 03-8769 4568 / 03-8769 4873
Faks: 03-8925 7549 / 8926 1202
Email: nurul.aishah.musa@mpob.gov.my
salma@mpob.gov.my

TECHNICAL ENQUIRIES
Eaishah Darus
Tel: 03-7802 2903
Email: eaishah@mpob.gov.my



Organised by:
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia



Sapuan coklat ketika proses pengisaran.



Sapuan coklat bersama roti dan biskut.

Tokotrienol anti oksida asli dalam sapuan coklat

» *Kajian membuktikan penggunaan tokotrienol dapat menstabilkan minyak dan lemak*

Oleh: **Salmi Yati Shamsudin, Rafidah Abd Hamid dan Dr. Sivaruby Kanagaratnam**

Sapuan coklat adalah produk berasaskan minyak sawit dan mengandungi 32-38% minyak. Bahan lain yang digunakan dalam formulasi ialah gula, serbuk koko, susu, serbuk protein kacang soya dan pengemulsi.

Kandungan minyak yang tinggi dalam produk menyebabkan ia terdedah kepada pengoksidaan minyak dan lemak. Minyak dan lemak yang teroksidakan akan rosak dan boleh menyebabkan berlakunya perubahan rasa dan tekstur serta memendekkan jangka hayat produk tersebut.

Secara komersial, pengoksidaan minyak dapat dihindar melalui penggunaan anti oksida seperti butylated hydroxyanisole (BHA), butylated hydroxyl toluene (BHT) and tert-butylhydro quinone (TBHQ) yang berasaskan bahan kimia.

Di samping itu, terdapat juga anti oksida berasaskan bahan asli seperti karotenoid, asid sitrik, asid askorbik dan vitamin E. Vitamin E merupakan bahan anti oksida asli yang larut lemak dan ia terdiri daripada tokoferol dan tokotrienol. Sekarang terdapat di pasaran vitamin E yang lebih kaya dengan tokotrienol.

Pemintaan terhadap produk makanan berkhasiat dan selamat untuk digunakan seperti vitamin, sedang meningkat dengan meningkatnya kesedaran dan kualiti hidup masyarakat.

Pengguna akan lebih tertarik kepada produk yang sedia untuk dimakan dan produk yang mengandungi bahan-bahan berkhasiat asli yang dapat memberi kesan

positif terhadap kesihatan.

Kajian terdahulu membuktikan bahawa penggunaan tokotrienol dapat menstabilkan minyak dan lemak daripada teroksidakan dengan lebih berkesan daripada tokoferol dan ia dapat memanjangkan jangka hayat produk.

Oleh itu kajian seterusnya dibuat untuk melihat keberkesanan vitamin E yang kaya dengan tokotrienol dalam merencatkan proses pengoksidaan minyak dalam sapuan coklat. Ini bertujuan untuk menggantikan penggunaan bahan anti oksida yang berasaskan bahan kimia.

Sapuan coklat bersama roti dan biskut

Pemprosesan

Sapuan coklat diproses menggunakan mesin pengisar yang menggunakan bebola kecil sebagai alat pengisar. Semua bahan dikisar sehingga mencapai kehalusan kurang daripada 20µm di bawah suhu yang terkawal dan anti oksida dicampurkan pada peringkat akhir pemprosesan. Setelah itu produk diisi ke dalam bekas dan disimpan di dalam bilik sejuk untuk proses penstabilan.

Prestasi produk

Sebanyak tiga jenis sampel sapuan coklat disediakan untuk ujian. Sampel tersebut ialah sapuan coklat yang tidak dicampur dengan anti oksida, sapuan coklat yang dicampur dengan tokotrienol dan sapuan coklat yang menggunakan BHA, anti oksida komersial.

Sampel tersebut disimpan selama enam bulan pada suhu 30°C dan penganalisaan dibuat pada setiap bulan. Antara ujian yang dijalankan ialah kandungan vitamin E, kestabilan oksidatif (menentang pengoksidaan) dan uji rasa terhadap sampel yang disimpan.

Kandungan Vitamin E

Hasil kajian dibentangkan dalam Gambarajah 3. Ia menunjukkan kandungan vitamin E di dalam sapuan coklat yang dimasukkan tokotrienol masih berada pada tahap yang tinggi iaitu 1335ppm, pengurangan sebanyak 30% daripada nilai awal. Begitu juga dengan sampel ka-

walan di mana sampel dengan BHA mempunyai 353ppm vitamin E dan 333ppm bagi sampel tanpa anti oksidan. Pengurangan nilai adalah di antara 31-35%. Kandungan vitamin E dalam sampel kawalan adalah berasal daripada bahan mentah lain yang digunakan seperti serbuk koko dan kacang hazel.

Tahap pengoksidaan: Nilai peroksida

Salah satu cara yang digunakan untuk mengetahui tahap pengoksidaan di dalam minyak dan lemak adalah dengan mengira kandungan nilai peroksida. Keputusan nilai peroksida yang diperolehi selama enam bulan dibentangkan dalam Gambarajah 4. Sebaik sahaja diproses, nilai peroksida untuk sapuan coklat ialah di antara 18-28meq/kg. Nilai tersebut meningkat semasa penyimpanan sehingga mencapai 62meq/kg, 57meq/kg and 78meq/kg masing-masing bagi sapuan coklat dengan tokotrienol, BHA dan tanpa anti oksidan. Nilai peroksida bagi sapuan coklat dengan tokotrienol dan BHA adalah hampir di antara satu sama lain. Pengoksidaan sapuan coklat tanpa anti oksida berlaku dengan lebih cepat dengan nilai peroksida yang lebih tinggi.

Uji sensorial

Keputusan ujian sensorial ditunjukkan dalam jadual di bawah. Tiada perbezaan yang ketara antara skor untuk penerimaan secara keseluruhannya, rasa dan bau bagi sapuan coklat yang tidak dicampur dengan antioksidan, yang menggunakan BHA dan yang telah dicampurkan dengan tokotrienol. Ahli panel tidak dapat mengesan sebarang bau dan rasa tidak enak. Ini mengukuhkan lagi bukti bahawa tokotrienol dapat melanjutkan hayat simpanan sapuan coklat sama seperti dengan penggunaan BHA. Bau dan rasa yang tidak enak hanya dapat dikesan jika terdapat produk yang terbentuk daripada pengoksidaan sekunder minyak dan lemak seperti aldehida, alkohol dan asid.

Rumusan sifat sapuan coklat yang ditambah tokotrienol

Sebagai rumusan, sapuan coklat yang ditambah dengan tokotrienol berkelakuan hampir sama seperti BHA dari segi kebolehan mengawal pengoksidaan. Malah ia

Skor sensorial bagi sapuan coklat tanpa anti oksidan, dengan tokotrienol dan dengan BHA selepas disimpan selama enam bulan

Sampel sapuan coklat	Bau	Rasa	Penerimaan
Kawalan	6.3a	6.8a	6.8a
Eksperimen	7.4a	6.2a	6.8a
BHA	7.6a	6.9a	6.9a

Huruf yang sama dalam lajur yang sama tidak menunjukkan perbezaan yang ketara ($p < 0.05$)

Kawalan: sapuan coklat tanpa anti oksidan

Eksperimen: sapuan coklat dengan tokotrienol

BHA: sapuan coklat dengan anti oksidan komersial BHA

mempunyai kelebihan di mana kandungan vitamin E yang tinggi dalam sapuan coklat menjadikan ia lebih berkhasiat dan lebih berfungsi. Secara keseluruhan, coklat sapuan ini mempunyai keistimewaan seperti yang disenaraikan di bawah.

Sapuan mempunyai tekstur yang lembut, halus dan sedap serta rasa lemak bercoklat.

Selepas disimpan selama enam bulan, produk ini masih mengandungi vitamin E sebanyak 1355ppm dan pengurangan 30% daripada nilai asal.

Kestabilan produk yang dicampur dengan dari segi ketahanan menentang pengoksidaan adalah setanding dengan produk yang menggunakan anti oksida komersial.

Selepas penyimpanan selama enam bulan, produk ini masih mengekalkan rasa dan bau yang asli setanding dengan sapuan coklat kawalan.

Produk masih stabil di mana pemisahan minyak tidak berlaku walaupun produk disimpan pada suhu bilik dalam cuaca tropika.

Kursus teknologi pembuatan majerin

Oleh Rosnani Osman
snanie@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan kursus bagi pembuatan majerin di sini, baru-baru ini khusus kepada peserta syarikat luar negara, Abu Dhabi Vegetable Oil Company (ADVOC) dari Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Kursus bertujuan memberi pendedahan terhadap teknologi pembuatan majerin dan lelemak (shortening) berasaskan minyak sawit.

Modul kursus selama empat hari itu dirangka khusus untuk keperluan peserta dengan khidmat tunjuk ajar serta penerangan diberi berkaitan sifat semula jadi minyak sawit yang pelbagai serta penggunaannya dalam industri makanan.

Selain teori, peserta juga diajar secara amali kemahiran formulasi majerin menggunakan hasil minyak sawit dan mengujinya di loji rintis MPOB.

“Selain mendapat tunjuk ajar dari tenaga pengajar yang pakar dari MPOB, banyak yang dapat dipelajari, terutama kaedah pemrosesan majerin secara praktikal”

Mohsin Abid Zuberi,
Wakil ADVOC

Perkenal penggunaan sawit
Penganjuran kursus seumpama ini memberi manfaat kepada industri sawit negara apabila dapat memperkenalkan dengan lebih dekat penggunaan minyak sawit kepada peserta dan meluaskan penggunaannya kepada negara luar khususnya negara-negara Timur Tengah.

Melalui kursus ini juga, pengenalan kepada kaedah pemrosesan majerin menggunakan minyak sawit sepenuhnya tanpa melalui kaedah penghidrogenan dapat dipertingkatkan.

Wakil ADVOC, Mohsin Abid Zuberi berkata, selain mendapat tunjuk ajar dari tenaga pengajar yang pakar dari MPOB, banyak yang dapat dipelajari, terutama kaedah pemrosesan majerin secara praktikal.

ADVOC kini dalam proses mempertingkatkan pengeluaran produk komersial berasaskan minyak sawit seperti majerin dan lelemak dan melihat minyak sawit sebagai bahan asas penting bagi pembuatan produk keluaran syarikat itu, di samping kepercayaan terhadap teknologi MPOB.

Ketua Unit Protin dan Teknologi Makanan, Dr Miskandar Mat Sahri berkata, kursus pembuatan majerin ini mendedahkan peserta kepada kaedah menghasilkan majerin tanpa proses penghidrogenan.

Wartawan Itali tunjuk minat pelaksanaan MSPO

» Didik media barat berkaitan salah anggap industri sawit di Malaysia

Oleh Siti Nurhajar Mariam
Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

► Bangi

MPOB menerima kunjungan 10 delegasi Itali yang terdiri wartawan media cetak dan elektronik baru-baru ini, di sini.

Lawatan diatur Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) sempena program dijalankan organisasi itu bagi mendidik media barat berkaitan salah anggap mengenai industri sawit di Malaysia.

Delegasi disambut Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May itu bertujuan mendapatkan pemahaman khusus berkaitan aktiviti yang dilaksanakan MPOB dalam mempergiat industri sawit, selain mendapat pendedahan mengenai kondisi lemak tepu yang mungkin terkandung dalam komposisi minyak sawit yang digunakan di seluruh dunia.



Datuk Dr Choo Yuen May bersama wartawan Itali

Perbincangan turut menyentuh isu kemampuan industri sawit yang tertumpu kepada pelaksanaan MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil) sebagai alternatif RSPO (Roundtable on Sustainable Palm Oil) yang diguna pakai oleh negara pengeluar minyak sawit dunia dalam mengawal kualiti komoditi berkenaan.

Datuk Dr Choo Yuen May berkata, pelancaran Pensijilan MSPO pada 2014 oleh MPOB adalah yang ketiga selepas Indonesia yang terlebih dahulu memperkenalkan ISPO (Indonesian Sustainable Palm Oil) pada 2011 bagi menggantikan sistem pensijilan sedia ada, RSPO.

Sistem diterapkan RSPO dilihat membebaskan negara pengeluar terutama kepada pekebun kecil dengan kos pensijilan tinggi dan syarat yang sentiasa berubah dalam mencapai standard diluluskan.

Sistem lebih telus

Katanya, dalam usaha melaksanakan industri sawit mampan, MPOB diberi mandat oleh kerajaan bagi memperkenalkan sistem pensijilan sendiri yang lebih mesra pengusaha dan pekebun sawit yang selama ini terikat dengan standard yang bersifat tidak menyeluruh dan sukar dicapai.

“MSPO menjanjikan sistem yang telus bagi manfaat pe-

ngeluar, pekebun, peniaga pengguna, dan orang awam,” katanya.

Katanya, dari aspek pensijilan dalam pengeluaran minyak sawit mampan, pada hari ini Malaysia menghasilkan minyak sawit yang menepati syarat digariskan melebihi daripada jumlah permintaan di negara Eropah.

“Pada Januari tahun ini, 1.26 juta hektar kawasan perladangan sawit di Malaysia mendapat pensijilan RSPO dan mengeluarkan 4.77 juta tan minyak sawit mampan dengan 1 juta tan daripadanya dieksport ke Eropah.

“Itali mencatat jumlah eksport produk sawit RM720.8 juta pada 2014 dan menunjukkan peningkatan pada tahun ini apabila jumlah eksport setakat bulan Oktober mencecah RM834.52 juta.

“Peningkatan jumlah eksport seumpama ini memberi tanggapan baik dalam penerimaan produk sawit ke Itali dan diramalkan Itali bakal menjadi negara berpotensi sebagai negara pengimport utama produk sawit di Eropah,” katanya.

Datuk Dr Choo Yuen May turut merakamkan ucapan terima kasih kepada rombongan delegasi berkenaan ke MPOB bagi mendapatkan pencerahan positif mengenai industri sawit.

Kempen larang urus niaga buah sawit muda dilancar

Oleh Uzaini Md Zain
uzaini@mpob.gov.my

Johor Bahru: Kempen larangan urus niaga buah sawit muda peringkat Wilayah Selatan anjuran bersama MPOB dan Southern Peninsula Palm Oil Milliers' Association (SP-POMA) yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membekalkan buah berkualiti bagi meningkatkan produktiviti sawit dilancarkan, di sini baru-baru ini.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan perasmian majlis itu yang disampaikan oleh Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan, Abdul Jalil Murad berkata, kempen berkenaan

adalah kesinambungan kempen yang dilancarkan pada tahun 2004.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pihak industri sawit, terutama SP-POMA yang memberi kerjasama kepada MPOB.

OPS Muda

“Usaha yang dijalankan oleh MPOB melalui Ops Muda selama tiga bulan bermula Ogos hingga Oktober 2015 mencapai kejayaan yang ditunjukkan melalui peningkatan kadar perahan minyak (OER) sebanyak 1.23 peratus.

Katanya, peratusan buah muda yang dihantar ke kilang juga menurun dari 5 peratus kepada 1 peratus sahaja.

“Pihak MPOB serius dalam menguatkuasakan larangan urus niaga buah sawit muda.

Buktinya 1,000 kompaun dikeluarkan kepada peniaga bagi kesalahan urus niaga buah muda dan ada sebahagian peniaga yang akan dibawa ke mahkamah di atas kesalahan yang sama.

Katanya, MPOB akan menjalankan satu lagi operasi bermula awal tahun hadapan berkaitan *Premium Quality Premium Price (PQPP)* bermaksud pembayaran harga mengikut kualiti buah.

Sokong usaha MPOB

Presiden SPPOMA, Khoo Chee Hong dalam ucapannya berkata, pihak SPPOMA akan sentiasa menyokong usaha MPOB dan bersedia memberi komitmen bagi merealisasikan sasaran projek NKEA di bawah EPP4 untuk mencapai OER 23 peratus menjelang tahun

2020.

Beliau turut menyarankan semua kilang di bawah SP-POMA agar sentiasa mementingkan kualiti buah sawit dan bukan hanya mengejar kuantiti.

“Aktiviti pengredan hendaklah ditingkatkan di setiap kilang mengikut manual pengredan MPOB dan membayar pembekal mengikut kualiti buah sawit.

Buah sawit muda adalah elemen yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kejatuhan kadar perahan minyak.

Dengan membanteras buah sawit muda di pasaran boleh membantu meningkatkan OER dan seterusnya memberi pulangan yang lebih tinggi kepada pihak industri sawit seperti pengilang, peniaga, pekebun kecil dan estet.

Kempen ini akan dilanjutkan pada peringkat kilang sawit pula dan dijangka akan mendapat sambutan positif daripada pembekal buah sawit dan penuai yang berhampiran.

Pekebun kecil disaran laksana pensijilan MSPO

» Isu kemampuan ancaman industri sawit, jadikan pasaran lebih kompetitif

Oleh Nazira Khabibor Rahman, Mohd Mokmin Bohari dan Dr Ainie Kuntom

Pertumbuhan pesat industri ini membawa banyak cabaran baharu terutamanya berkaitan isu kemampuan.

Isu-isu kemampuan dikatakan mengancam industri sawit dan menjadikan pasaran sawit lebih kompetitif di kalangan negara pengeluar sawit.

Melihat kepada kepentingan ini, semua produk sawit yang dikeluarkan oleh sesebuah negara perlu memberi perhatian kepada isu kemampuan bagi menjamin penerimaan pasaran global.

Walaupun banyak isu berkaitan dengan aktiviti huluhan termasuk penanaman sawit, aktiviti di peringkat pertengahan dan pemrosesan hiliran juga perlu diberi perhatian untuk memastikan industri ini kekal mampan dan berdaya saing.

Justeru, Piawaian Malaysia berkaitan Minyak Sawit Mampan (MSPO) dibangunkan dan Skim Pensijilan MSPO memulakan pelaksanaannya pada 1 Januari 2015.

MSPO adalah satu piawaian seimbang yang memberiوازن yang setara kepada tiga elemen kemampuan, 3P iaitu pembangunan sosial (People), penjagaan alam sekitar (Planet) dan pembangunan ekonomi (Profit).

Skim ini bertujuan memastikan produk sawit keluaran Malaysia mematuhi kriteria kemampuan antarabangsa dan mampu dipatuhi oleh semua pihak termasuk pekebun kecil di seluruh negara.

Terdapat pelbagai isu kemampuan yang dihadapi oleh pekebun kecil sawit di Malaysia antaranya isu alam sekitar yang menjadi penghalang utama untuk memaksimumkan produktiviti pengeluaran mereka.

Walau bagaimanapun, isu ini diperbesar oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) seterusnya mendapat perhatian pengguna di negara pengimport minyak sawit.

Perkara seperti ini memberi kesan kepada reputasi minyak sawit



Pekebun kecil menuai hasil buah tandan segar.

Malaysia di pasaran dunia.

Pelaksanaan Skim Pensijilan MSPO juga bertujuan membezakan produk sawit Malaysia dengan produk sawit keluaran negara pesaing bagi membolehkan produk sawit Malaysia memperoleh harga yang lebih tinggi.

Selain itu, skim pensijilan ini juga digunakan sebagai asas untuk menjenama dan mengasingkan produk sawit Malaysia daripada segala tohmahan yang dibuat ke atas produk sawit secara umum.

Daripada 5 juta hektar tanah yang ditanam dengan tanaman sawit di Malaysia, 40 peratus adalah milik pekebun kecil dan dikategorikan sebagai penyumbang besar bagi eksport minyak sawit ke pasaran dunia.

Kurangkan taraf kemiskinan

Sumbangan pekebun kecil sawit ini sekali gus memainkan peranan penting dalam mengurangkan taraf kemiskinan di Malaysia serta meningkatkan kesejahteraan bagi masyarakat luar bandar.

Memandangkan, minyak sawit yang dijual di pasaran antarabangsa perlu mendapat pensijilan kemampuan, dengan adanya Skim Pensijilan MSPO tersebut pekebun kecil tidak akan menghadapi masalah untuk berbuat demikian pada masa hadapan.

Kini, lebih 400,000 pekebun kecil sawit di Malaysia mulai sedar akan kepentingan kemampuan berpeluang untuk menyertai Skim Pensijilan MSPO dengan menggunakan bantuan daripada Dana MSPO dalam tempoh lima tahun akan datang.



Dana MSPO

Kerajaan bersetuju memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta bagi membiayai kos pengauditan, pembinaan stor berpusat dan kelengkapan perlindungan diri (PPE) khusus bagi tanaman sawit milik pekebun kecil.

Dana yang diberikan oleh kerajaan ini dapat membantu pekebun kecil persendirian yang hanya mempunyai keluasan tanaman sawit di antara 4 hingga 40 hektar untuk mendapatkan pensijilan MSPO serta mengamalkan kriteria-kriteria kemampuan seperti yang dinyatakan dalam piawaian MSPO.

Pekebun kecil persendirian mahupun berkelompok boleh memohon dana tersebut dengan mendaftar Skim Pensijilan MSPO kepada Sekretariat MSPO di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

MPOB bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan Skim Pensijilan MSPO bagi pekebun kecil sawit menggunakan bantuan kerajaan dapat dilaksanakan dengan lancar, berkesan

dan mencapai objektif serta impact yang disasarkan.

Program kesedaran MSPO

Pekebun kecil sawit Malaysia dibantu oleh Pegawai Tunjuk Ajar Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB dengan memberi latihan serta khidmat nasihat mengenai amalan baik penanam sawit di seluruh Malaysia termasuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

MPOB merangka dan menjalankan program kesedaran mengenai piawaian MSPO bagi memberi kesedaran mengenai kriteria kemampuan yang terkandung dalam piawaian MSPO di kalangan pekebun kecil sawit.

Ini bertujuan memastikan pelaksanaan Skim Pensijilan MSPO oleh pekebun kecil sawit dapat berjalan lancar dengan bantuan yang diberikan oleh Pegawai TUNAS.

Skop program kesedaran mengenai MSPO merangkumi pekebun kecil yang dikumpulkan dalam Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) bagi mencapai pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang mampan.

SPOC merupakan kelompok pekebun kecil persendirian di suatu kawasan tertentu yang komited terhadap penghasilan BTS yang mampan melalui struktur koperasi yang dibentuk bagi mempercepatkan proses pensijilan.

Program kesedaran melalui pameran bergerak, latihan serta ceramah, kemudahan asas dan bantuan teknikal diberikan secara komprehensif supaya Pegawai TUNAS dan pekebun kecil memahami keperluan kemampuan

yang dinyatakan dalam piawaian MSPO.

Cabaran pekebun kecil

Pekebun kecil adalah digalakkan untuk melaksanakan Skim Pensijilan MSPO memandangkan kos pelaksanaan dan pensijilannya adalah jauh lebih murah berbanding Skim Pensijilan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO).

Skim Pensijilan MSPO adalah skim pensijilan kemampuan kebangsaan yang dibangunkan khusus untuk industri sawit Malaysia berlandaskan industri pertanian, iklim dan sosio-budaya Malaysia bagi menangani isu kemampuan seperti yang dikehendaki oleh pengguna minyak sawit dan juga badan bukan kerajaan (NGO).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, menjelang tahun 2020 semua pekebun kecil di Malaysia, yang membentuk 14 peratus daripada jumlah penanam sawit negara, akan mendapat perakuan MSPO.

Pelaksanaan Skim Pensijilan MSPO oleh pekebun kecil bukan satu perkara mudah.

Banyak cabaran yang perlu diatasi sebelum mereka dapat membudayakan amalan kemampuan dalam mengusahakan penanaman sawit.

Antara cabaran utama adalah kurangnya kesedaran tentang kriteria kemampuan MSPO, syarat-syarat untuk mendapatkan pensijilan, kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan amalan kerja selamat.

Bagi menangani cabaran tersebut, MPOB menjalankan program kesedaran mengenai MSPO, pemuliharaan alam sekitar dan amalan kerja selamat yang melibatkan pekebun kecil sawit di seluruh Malaysia.

MPOB juga bekerjasama dengan agensi kerajaan dan organisasi swasta dan bebas dalam merangka dan melaksanakan program kesedaran sebagai usaha meningkatkan kesedaran pekebun kecil sawit berkaitan amalan kerja selamat dan pemuliharaan alam sekitar termasuk pemuliharaan biodiversiti.

Dengan adanya program kesedaran ini, pekebun kecil akan lebih memahami serta mengamalkan kriteria kemampuan yang terdapat dalam piawaian MSPO dengan lebih mudah.

Satu lagi cabaran ialah kurang pengetahuan dan kepakaran mengenai kemampuan dan amalan baik pertanian.

Ladang besar mampu menggaji pakar dalam semua bidang termasuk amalan baik pertanian dan kemampuan atau mendapatkan khidmat pakar bebas.

Namun, bagi pekebun kecil, bukan sahaja mereka tidak mempunyai kepakaran, malah mereka juga tidak mampu untuk mendapatkan khidmat pakar bebas.

Bagi mengatasi cabaran itu, MPOB menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada pekebun kecil seluruh Malaysia baik dari aspek kemampuan, mahupun amalan baik pertanian menerusi Pegawai TUNAS MPOB.

Cef Martin teruja dengan masakan kita

» Kini kembali dalam rancangan Taste of Malaysia ketengah resipi kepada dunia



Cef Martin tidak asing dengan negara kita kerana pernah menjejakan kaki ke Malaysia 18 tahun yang lepas bagi penggambaran Yan Can Cook.

Taste of Malaysia adalah satu program masakan yang sedang ditayangkan di saluran NTV7 dan 8TV dan dikendalikan oleh Cef Martin Yan.

Berpengalaman selama 35 tahun dalam bidang rancangan masakan, nama beliau adalah sebaris dengan cef terkemuka di dunia. Dia mula dikenali bagi rancangan Yan Can Cook pada tahun 1982.

Cef Martin tidak asing dengan negara kita kerana pernah menjejakan kaki ke Malaysia 18 tahun yang lepas bagi penggambaran Yan Can Cook.

Kali ini, beliau berpeluang berkunjung ke beberapa negeri termasuk Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Sabah.

Dalam rancangan Taste of Malaysia, Cef Martin memaparkan penyediaan makanan tradisional Malaysia untuk diketengahkan ke seluruh dunia.

Disiar dalam dua bahasa

Rancangan ini boleh ditonton di NTV7 (bahasa Mandarin) dan 8TV (bahasa Inggeris). Masakan yang disediakan meliputi kepelbagaian budaya dan tradisi makanan di Malaysia.

Menariknya mengenai rancangan ini bukan sahaja berkaitan dengan resipi yang dihidangkan dan penyampaian beliau yang menarik malahan tetamu yang menghadirkan diri. Ini termasuk Raja Permaisuri Agong yang sudi menjadi tetamu dalam salah satu episod rancangan berkenaan.

Cef Martin, 67 tahun mengakui keenakan masakan Malaysia termasuk nasi lemak yang berjaya membangkitkan selera.

Dalam setiap episod, beliau berkongsi tip masakan manakala tetamunya berkongsi resipi kesukaan rakyat Malaysia. Ini termasuk Cef Suhaimi yang menunjukkan cara menyediakan Ayam Masak Lemak Kentang serta Kambing Masala.

Beliau kagum dengan negara Malaysia yang kaya dengan pelbagai bangsa dan budaya, di mana jelas dipamerkan dalam juadah yang dihidangkan.

Makanan yang ditonjolkan juga menekankan tradisi yang berkait rapat dengan budaya Asia serta

jenis makanan yang diberi nafas baharu dengan peredaran masa.

Keistimewaan tersendiri

Turut menarik perhatiannya adalah di mana setiap negeri mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Contoh terbaik adalah laksa yang mempunyai versi Penang yang pastinya berbeza daripada laksa dari Johor.

Cef Martin bukan saja seorang cef selebriti tetapi juga seorang pakar kulinari dan pengasas Yan Can International Cooking School di San Francisco Bay.

Selain itu, beliau memiliki rangkaian Yan Can Restaurants serta menjadi hos pelbagai rancangan masakan dan penulis buku resipi sejak 1982, ketika sedang meniti kemasyhuran bersama siri Yan Can Cook.

Siri sebanyak 3,000 episod itu ditayangkan di lebih 60 negara dan sekali gus melonjakkan namanya di serata dunia.

Penonton di rumah bukan sahaja dapat mempelajari pelbagai resipi tetapi turut berpeluang memenangi hadiah menarik dengan menyertai peraduan yang sedang berlangsung di <http://thepalmoil.org/quickpalm>.

Peserta perlu menjawab beberapa soalan berkaitan minyak sawit, yang menjadi asas kelazatan juadah Malaysia. Jawapan bagi setiap soalan boleh ditemui dalam episod Taste of Malaysia!

“**Dalam setiap episod, beliau berkongsi tip masakan manakala tetamunya berkongsi resipi kesukaan rakyat Malaysia. Ini termasuk Cef Suhaimi yang menunjukkan cara menyediakan Ayam Masak Lemak Kentang serta Kambing Masala**”

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Industri sawit terus capai kemajuan pada masa depan

Pada era dan zaman yang semakin membangun, kemajuan dalam pelbagai aspek sangat penting bagi mengekalkan serta meningkatkan pencapaian ekonomi yang dikecapi pada masa ini. Antara sumber peningkatan pencapaian ekonomi negara ialah melalui industri sawit. Malaysia antara pengeluar utama minyak sawit yang digunakan di seluruh dunia. Oleh itu, bagi mengekalkan industri sawit agar sentiasa diterima serta mencapai kemajuan pada masa hadapan ialah melaksanakan usaha bagi mendapat permintaan tinggi di persada dunia.

Antara langkah yang dilaksanakan ialah kerjasama antara Malaysia dan Indonesia agar industri sawit dapat terus mencapai kemajuan pada masa hadapan seperti bekerjasama bagi meningkatkan prestasi industri sawit dari sudut harga dan juga pelaksanaan industri secara mampan dan peningkatan eksport. Kerjasama ini akan dapat menstabilkan harga sawit untuk jangka masa panjang dan memenuhi permintaan terhadap minyak sawit.

Pada masa sama, Malaysia juga mengawal pengeluaran sawit agar tidak berlebihan bagi mengelak kerugian. Malaysia pada masa ini melaksanakan penanaman semula dan memperkenalkan Skim Tanam Semula Sawit (SITS 2015) mulai 1 Oktober sebagai langkah mengurangkan kawasan seluas 83,000 hektar tanaman sawit yang

tidak produktif. Ini dijangka akan mengurangkan pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 250,000 tan, sekali gus mengawal pengeluaran dan harga menjadi lebih stabil.

Di samping itu, pengeksporan serta pengeluaran sawit mengikut standard kemampunan, secara tidak langsung membantu pengeluaran minyak sawit sentiasa memenuhi standard piawaian global agar diterima pakai oleh pengguna seluruh dunia. Justeru, Malaysia dan Indonesia menubuhkan pakatan negara pengeluar minyak sawit bagi menstabilkan harga serta pengeluaran termasuk mempromosi kebaikan dan khasiat minyak sawit.

Pengeluar juga disaran mendapatkan pensijilan mampan bagi membuktikan kesungguhan untuk menawarkan minyak sawit yang mampan, berkualiti tinggi dan terjamin. Sebagai bukti, pengeluaran lima juta tan minyak sawit oleh Malaysia diperakui mampan dan menawarkan minyak sawit yang berkualiti serta selamat kepada negara luar. Secara tidak langsung, negara pengimport yang menggunakan minyak sawit sebagai keperluan akan memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit mampan dunia.

Selain itu, Malaysia perlu menjalankan kerjasama dengan pihak lain untuk menjalankan penyelidikan. Melalui penyelidikan sesuatu penemuan baharu



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Muhammad Azri Mat Arsad
(No. K/P: 000820-01-0467)
SMK Tengku Mahmud Iskandar
Sg. Mati, Ledang, Johor

termasuk khasiat pemakanan, kegunaan dalam pengeluaran produk makanan dan bukan makanan. Kegunaan baharu sawit akan dapat meningkatkan pasaran produk sawit dan imej minyak sawit Malaysia di peringkat global.

Industri sawit perlu terus meningkatkan produktiviti bagi memenuhi keperluan sumber minyak dan lemak dunia berikutan peningkatan jumlah penduduk dunia yang dijangka mencecah 9 bilion pada tahun 2050. Untuk membekalkan makanan kepada penduduk dunia, sektor pertanian perlu meningkatkan pengeluaran sehingga 70 peratus daripada tahap sedia ada. Pertambahan penduduk akan terus memacu permintaan makanan dan memaksa negara pengeluar meningkatkan pengeluaran serta eksport.

Industri sawit jelas sebagai pemangkin kemajuan ekonomi negara. Dengan ini jelas usaha dan langkah yang dilaksanakan pada masa ini akan membawa industri sawit terus mencapai kemajuan pada masa hadapan.

Industri sawit cekal hadapi cabaran alam hasilkan minyak sawit mampan

Dewasa ini, Malaysia dikenali sebagai antara negara pengeluar utama minyak sawit dunia.

Namun begitu, sebagai pengeksporan minyak sawit dunia, Malaysia pastinya tidak lari daripada menghadapi pelbagai cabaran dalam menghasilkan minyak sawit yang mampan.

Walaupun pelbagai halangan datang, industri sawit Malaysia terus cekal menghadapinya.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, antara cabaran yang dihadapi oleh industri ini adalah persepsi negatif dan dakwaan yang dibuat oleh pelbagai pihak di seluruh dunia.

Ekoran itu, permintaan dunia terhadap minyak sawit menjadi tidak stabil.

Keadaan ini akan memberi kesan kepada turun dan naiknya harga pasaran minyak sawit.

Tambahan lagi, pihak Kesatuan Eropah telah membuat sekatan tarif dan bukan tarif yang bertujuan menghadkan kemasukan ke pasaran tempatan.

Lantaran itu, situasi ini memberi impak yang besar kepada harga dan pasaran minyak sawit.

Sebagaimana diketahui, sebagai negara pengeluar sawit utama dunia, Malaysia mempunyai banyak persaingan.

Pada hakikatnya, negara pengeluar lain seperti Indonesia jelas mempunyai kedudukan yang kukuh dan stabil dalam industri sawit.

Selain itu, Malaysia juga terpaksa bersaing dengan negara pengeluar sawit yang lain seperti negara-negara di benua Afrika dan Amerika Selatan.

Keadaan seperti ini akan memberi kesan kepada permintaan minyak sawit Malaysia.

Oleh itu, bagi memastikan permintaan minyak sawit Malaysia terus stabil, komoditi hendaklah menghasilkan minyak sawit yang sentiasa memenuhi piawaian kualiti minyak sawit yang terbaik dan menjadi pilihan pengimport untuk membeli minyak sawit keluaran negara.

Selain itu, cabaran industri sawit dalam menghasilkan minyak sawit mampan tidak terhenti setakat itu, keadaan berterusan dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan kepada komoditi ini.

Tambahan lagi sentimen anti-minyak sawit oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang meletakkan isu perlindungan alam sekitar sebagai fokus utama seakan menafikan sumbangan industri sawit kepada keselamatan makanan global, pembasmian kemiskinan dan kelestarian alam sekitar.

Meskipun pelbagai langkah diambil dan dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam pengurusan bio diversiti dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin kemampunan industri sawit untuk jangka panjang, penentangan mereka masih



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Nur Habibah Norman
(No. K/P: 970401-10-6760)
Klang, Selangor

belum reda.

Justeru, bagi memulihkan semula nama dan imej industri sawit negara yang tercalar, Malaysia melaksanakan pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) yang dibuat berasaskan undang-undang dan peraturan negara ini.

Dengan itu, MSPO akan menjadi asas penjenamaan minyak sawit Malaysia di pasaran antarabangsa yang terkenal dengan kualiti serta pengeluaran secara lestari.

Selain untuk menolak dan menepis segala tohmahan negatif dan dakwaan berkaitan penanaman sawit yang mengancam alam sekitar.

Kesimpulannya, pertumbuhan pesat industri sawit di persada antarabangsa mencetuskan pelbagai cabaran dan perit getir yang perlu dilalui.

Lantaran itu, melalui penyelidikan dan pembangunan serta pelaburan dalam teknologi, industri sawit Malaysia dapat memenuhi keperluan dan permintaan pasaran dunia yang amat mementingkan kualiti di samping bersaing dengan minyak sayuran lain.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN DISEMBER 2015

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Transformasi pekebun kecil akan bantu tingkat pendapatan. Bincangkan"

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Kerjasama Malaysia-Indonesia akan mantapkan industri sawit. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
● Hadiah Pertama : RM250
● Hadiah Kedua : RM200
● Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Januari 2016 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan November 2015

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Muhammad Azri Mat Arsad
(No. K/P: 000820-01-0467)
SMK Tengku Mahmud Iskandar
Sg. Mati, Ledang, Johor

Hadiah Kedua
Norsyazwina Hassan
(No. K/P: 020211-08-1110)
SMK Sg. Besar
Sg. Besar, Selangor

Hadiah Ketiga
Nur Azizi Roslan
(No. K/P: 980111-14-5509)
SMK Seri Selayang
Batu Caves, Selangor

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Nur Habibah Norman
(No. K/P: 970401-10-6760)
Klang, Selangor

Hadiah Kedua
Mohd Adib Abd Samad
(No. K/P: 950813-09-5019)
Sepang, Selangor

Hadiah Ketiga
Fatin Afikah Abdul Sani
(No. K/P: 960607-02-5502)
Kulim, Kedah

Syarat Penyertaan

- **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Disember 2015
- Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Our People, Our Community, Our Vision
MALAYSIA 2015

27th ASEAN SUMMIT



Signing Ceremony of the Charter of the Establishment of Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)

Kuala Lumpur, 2 November 2015



Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Presiden Republik Indonesia, Joko Widodo menyaksikan acara **pertukaran Piagam Penubuhan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC)** yang telah ditandatangani bersama oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Menteri Penyelaras Hal Ehwal Maritim Republik Indonesia, Dr Rizal Ramli sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-27, di ibu negara baru-baru ini.



Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (kiri) **menerangkan kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Nigeria ke Malaysia, Janet Bessong Odeka** mengenai usaha Malaysia membangunkan industri sawit ketika kunjungan hormat di Bangunan Parlimen, baru-baru ini.



Jurnalis dari negara Itali yang hadir dalam sesi dialog bersama Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Turut hadir Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Harnarinder Singh.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama pekebum kecil komditi dan pemimpin tempatan yang hadir ke **Program Transformasi Pekebum Kecil Komoditi yang diadakan di Sebauh, Bintulu**. Turut hadir Menteri Muda Kemudahan Awam (Bekalan Elektrik Dan Telekomunikasi) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kemena, Datuk Dr Stephen Rundi Anak Utom; Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia, Dato Grunsin Ayom dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

